

Kahwin lambat punca kesuburan turun

KOSMO 23/12/2011

M2.

Oleh NOR IDAYU BOSRO
idayu.bosro@kosmo.com.my

INFO Kadar kesuburan mengikut etnik

Tahun 2000	
Bumiputera:	3.5 orang anak
Cina:	2.6 orang anak
India:	2.5 orang anak
Tahun 2010	
Bumiputera:	2.6 orang anak
Cina:	1.5 orang anak
India:	1.7 orang anak

SUMBER: Jabatan Perangkaan Negara

PUTRAJAYA – Fenomena kahwin lewat dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan dalam kalangan penduduk Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, faktor berkenaan menyebabkan purata kadar kesuburan penduduk telah mencatatkan penurunan daripada tiga orang anak pada tahun 2000 kepada 2.2 orang sahaja pada tahun 2010.

“Jika dahulu, kebanyakan pasangan berkahwin pada usia yang sangat muda iaitu sekitar awal 20-an tetapi kini berbeza dengan pasangan pada masa ini rata-rata memilih untuk berkahwin pada usia awal 30-an.

“Kelewatan mendapat zuriat berikutan perkahwinan yang lambat mempengaruhi kadar kesuburan dan sete-

rusnya kependudukan negara,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Nor Mohamed, statistik itu berdasarkan indikator demografi Malaysia pada tahun 2000 dan tahun 2010 yang dibentangkan dalam Laporan Ketiga Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Katanya, fenomena kahwin lewat menyumbang kepada kelewatan jangka masa mendapat anak sekali gus menye-

babkan penurunan kadar kesuburan.

Indikator demografi itu juga menunjukkan bilangan kelahiran pada tahun 2010 mencatatkan sebanyak 475,816 bayi berbanding 549,543 pada tahun 2000.

Ia membabitkan penurunan sebanyak 73,727 dalam tempoh sepuluh tahun.

Selain itu, menurut Nor Mohamed, penurunan kadar kesuburan juga akan dipengaruhi oleh paras penggantian yang berlaku sekiranya kadar kesuburan berada pada tahap 2.1.

Paras penggantian pada tahap itu berlaku apabila anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan hanya melibatkan bilangan dua orang anak.

“Situasi demikian dijangka berlaku di negara ini mulai tahun 2017 namun begitu, ia tidak membimbangkan,” ujarnya.

Menurutnya, Malaysia juga dijangka mencapai tahap unjuran maksimum penduduk sebanyak 57 juta penduduk menjelang tahun 2090.